

From: Zirwatul Hafilah Bt Mohd Shahar < >

Sent: Wednesday, 15 December, 2021 12:34 PM

To:

Cc:

Subject: Simulasi Pemulihan Bencana Sistem-Sistem LPK Bil 2/2021 pada 22 - 23 Disember 2021

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara diatas.

Untuk makluman tuan/puan, aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana LPK Bil 2/2021 ke PDSA Putrajaya bagi sistem-sistem utama LPK iaitu Sistem eDCFZ, Sistem Emel, Laman Web LPK, Sistem SAGA, Sistem Online LPK seperti ePAN, Sistem sPASS, Sistem eBunkering dan lain-lain, akan diadakan pada ketetapan berikut:

i. Konfigurasi (pertukaran dari server produksi ke server DR - Failover).

Tarikh : 22/12/2021(Rabu)

Masa : 9 malam

Tempat : Jabatan Teknologi Maklumat, LPK.

Jangkaan masa downtime : 3 jam

ii. Konfigurasi (pertukaran dari server DR ke server produksi – Fallback Recovery).

Tarikh : 23/12/2021 (Khamis)

Masa : 9 malam

Tempat : Jabatan Teknologi Maklumat, LPK.

Jangkaan masa pertukaran : 2 jam

3. Semua sistem akan beroperasi sepenuhnya dari PDSA Putrajaya semasa aktiviti simulasi ini. Sehubungan dengan itu, wakil Pembekal yang terlibat (Dagangnet Technology Sdn Bhd, Inteksoft Sdn Bhd , Forest Interactive Sdn Bhd, Century Software) hendaklah hadir (bersemuka atau jarak jauh) bagi memastikan simulasi ini berjaya dilaksanakan dan sistem-sistem dapat beroperasi dengan baik.

4. Jabatan juga memohon penyertaan secara jarak jauh dari pengguna sistem dari Jabatan Zon Bebas, Jabatan Dagangan Bahaya, Jabatan Keselamatan, Jabatan Gerakan Merin dan Jabatan Kewangan untuk pengesahan dan pengesahan sistem semasa konfigurasi simulasi ini dibuat. Jabatan memohon Ketua Jabatan mencalonkan seorang wakil Jabatan masing-masing.

5. Perhatian, kerjasama dan tindakan oleh Tuan/Puan dalam menjayakan aktiviti simulasi ini amat dihargai.

Sekian terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menjalankan amanah,

Zirwatul Hafilah Mohamad Shahar

b/p Pengurus (Teknologi Maklumat)

Lembaga Pelabuhan Kelang

Beg Berkunci 202 | Jln Pelabuhan Utara | 42005 Pelabuhan Klang | Selangor, Malaysia.

Tel: 03-3168 8211 ext. 3032 | Faks: 03-3168 9117

